



UNIVERSITI MALAYSIA SABAH
Tingkat 6, Gaya Centre, Jalan Tun Fuad Stephens
Beg Berkunci 2073, 88999 Kota Kinabalu, Sabah
Tel: 088-260741/2/3/4 Faks: 088-260734

JABATAN BENDAHARI

UMS/BN3.1/P5/24

PEKELILING BENDAHARI BIL 5/98

23 NOVEMBER 1998

Semua Mahasiswa/i
Universiti Malaysia Sabah

Saudara/i

PEMBAYARAN YURAN PENGAJIAN MELALUI BANK

Perkara di atas dengan segala hormatnya adalah dirujuk.

Dukacita dimaklumkan bahawa berdasarkan semakan jabatan ini, terdapat sebilangan mahasiswa/i yang masih belum menyerahkan salinan slip bank bagi pembayaran yuran melalui bank universiti walaupun makluman telah tercatat pada slip bank tersebut. Kegagalan untuk berbuat demikian telah menyulitkan jabatan ini untuk mengesan pembayaran tersebut kepada akaun individu mahasiswa.

Sehubungan itu, kerjasama mahasiswa/i adalah dipohon untuk menyerahkan **salinan slip bank** pembayaran ke pejabat ini untuk tujuan pengeluaran resit rasmi Universiti bagi pengemaskinian akaun mahasiswa/i berkenaan. Bagi mahasiswa/i yang masih belum menyerahkan slip bank bagi pembayaran terdahulu hendaklah berbuat demikian sebelum **10 Disember 1998** untuk tujuan pengesanan serta pengemaskinian akaun mereka.

Para mahasiswa/i adalah digalakkan untuk berhubung terus dengan jabatan ini sekiranya terdapat kemusykilan/ masalah berhubung perkara ini.

Pekeliling ini adalah berkuatkuasa **mulai 1 November 1998**

Sekian, dimaklumkan.

“BERTEKAD CEMERLANG”

Yang benar

RIZAL OTHMAN
Bendahari.

- s.k - Y. Bhg. Prof. Datuk Seri Panglima Naib Canselor UMS.
- Y. Bhg. Timbalan Naib Canselor (Pembangunan Dan Penyelidikan)
- Y. Bhg. Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar)
- Pendaftar UMS.
- Timbalan Pendaftar (Akademik)
- Presiden, Majlis Perwakilan Pelajar UMS.